



Kenyataan Media

CYBERJAYA

11 April 2020

SEBAR BERITA PALSU: BEKAS TIMBALAN MENTERI DIRAKAM PERCAKAPAN

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bersama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah merakam percakapan seorang bekas timbalan menteri yang juga Ahli Parlimen di sebuah negeri di pantai timur kerana menyebarkan berita palsu menerusi satu rakaman video di laman Facebook beliau, kononnya berlaku situasi luar kawalan di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar (BSI).

Rakaman percakapan tersebut diambil di Pejabat Jabatan Siasatan Jenayah Komersial IPK Polis Pahang pada pukul 9.00 malam, Jumaat, 10 April 2020. Satu (1) unit telefon dan kad SIM turut dirampas daripada Ahli Parlimen tersebut untuk membantu proses siasatan.

Beliau disiasat di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 atas penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian yang membawa hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara satu tahun atau kedua-duanya, jika disabitkan kesalahan. Ahli Parlimen berkenaan juga disiasat di bawah Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan kerana menyebabkan ketakutan atau kegenteran awam, yang membawa hukuman penjara maksimum dua (2) tahun atau denda atau kedua-duanya, jika disabitkan kesalahan.

Memulakan atau menyebarkan berita palsu adalah satu kesalahan jenayah. PDRM dan MCMC memantau perkara ini terhadap mana-mana pihak termasuk orang-orang kenamaan, pengamal media dan media dalam talian yang menyebarkan berita palsu ketika negara sedang berhadapan dengan pandemik COVID-19. Tindakan tegas akan diambil

terhadap mereka yang terlibat demi memastikan ketenteraman awam sentiasa terpelihara.

Sekiranya ragu-ragu mengenai kesahihan sesuatu berita, layari portal Sebenarnya.my atau pautan telegram iaitu <https://t.me/sebenarnyamy>. Maklumat mengenai penuliran berita palsu mengenai COVID-19 turut boleh disalurkan melalui pautan 'Salur kepada Kami' iaitu <https://sebenarnya.my/salur/> di portal dan aplikasi Sebenarnya.my.

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Untuk maklumat lanjut, layari www.mcmc.gov.my atau hubungi Jabatan Komunikasi Korporat:

Kamalavacini Ramanathan
Pengarah
Tel: +6010-2251073

Markus Lim Han King
Timbalan Pengarah
Tel: +6012-2995027

Mohd Faizal Azizan
Timbalan Pengarah
Tel: +6011-2828 6745

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

